

**KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN
LEMBAGA PENGURUSAN MPC (BOM)**

TAJUK Keterangan: Tajuk Projek/ Cadangan	PERMOHONAN LANJUTAN BOM DAN REVISED BUDGET PROGRAM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS TEMPATAN MELALUI SYARIKAT PENERAJU
TARIKH/ GARIS MASA Keterangan: Jadual mula dan akhir pelaksanaan projek/ cadangan	01/06/2023 – 30/09/2023
LATAR BELAKANG & JUSTIFIKASI Keterangan: Tujuan dan penerangan ringkas mengenai projek	• Kertas BOM bertarikh 27/01/2023, Bilangan 0037/2023 dengan jumlah peruntukkan RM144,350.00 adalah dirujuk. Kelulusan peruntukkan telah luput pada 27/05/2023. • Permohonan dibuat bagi melanjutkan tempoh projek yang telah diperolehi bagi tempoh Februari 2023 sehingga Mei 2023 kepada September 2023. • Sejumlah RM12,200.00 dari RM144,350.00 telah dibelanjakan bagi tempoh Februari – Mei 2023 dan semakan peruntukan dengan anggaran RM67,100.00 (penjimatan kos) akan dibelanjakan bagi tempoh Jun – September 2023. • Projek mengalami kelewatan dari garis masa yang dicadangkan terlebih dahulu kerana proses mengenalpasti senarai enterpris tempatan oleh syarikat peneraju dan pemilihan isu dan cabaran yang ingin ditambah baik oleh enterpris tempatan yang terpilih memakan masa yang agak lama. (Syarikat peneraju memohon lanjutan tarikh menyerahkan senarai enterpris tempatan pada 20/04/2023) • Menerusi sesi libat urus yang telah dijalankan, 6 syarikat peneraju telah mengenalpasti 29 enterpris di bawah rangkaian bekalan mereka untuk melaksanakan sekurang-kurangnya 50 intervensi peningkatan produktiviti yang akan melibatkan pekerja. • Pelaksanaan 20 projek peningkatan produktiviti bagi 10 enterpris tempatan Perodua sedang dilaksanakan oleh <i>Technical Centre</i> (TC) yang dilantik (pembayaran perlu dibuat apabila pembekal siap fasa 1 pada 16/06/2023). • Selain itu, lantikan baharu sasaran tiga syarikat peneraju akan dibuat dengan maksimum tambahan

	30 enterpris tempatan akan mengikuti program ini, dengan jangkaan sekurang-kurangnya 30 intervensi peningkatan produktiviti dari lantikan baharu ini. • Anggaran penciptaan nilai dari 80 projek adalah RM80 juta yang akan dilaporkan di bawah KPI menteri (sasaran RM1 bilion untuk 2023). • Lampiran 1 memperincikan status terkini kemajuan pelaksanaan projek setiap syarikat peneraju sedia ada dan baharu. • Lampiran 2 adalah nota perbincangan bersama Dr Mazrina Ibramshah berkaitan lanjutan pelaksanaan program ini.
TUJUAN Keterangan: Jangkaan outcome setelah projek siap	1) Memberi pendedahan dan menggalakkan enterpris tempatan untuk meningkatkan kecemerlangan operasi perniagaan dengan melibatkan syarikat peneraju sebagai pakar rujuk dalam program ini. 2) Mengurangkan jurang prestasi produktiviti di antara enterpris tempatan dan syarikat peneraju di masa hadapan. 3) Menerapkan perubahan minda produktif secara lebih bersasar.
KAEDAH PELAKSANAAN Keterangan: Kaedah yang perlu dilakukan bagi melaksanakan projek	1) Menyediakan platform atas talian untuk syarikat peneraju memberi bimbingan dan berkongsi amalan terbaik pengurusan dengan enterpris tempatan; 2) Melaksanakan projek peningkatan produktiviti (intervensi); 3) Membangunkan PoC mengikut sektor di bawah Nexus Produktiviti; 4) Mengiktiraf <i>Productivity Champion (PC)</i> enterpris tempatan yang berjaya melaksanakan inisiatif peningkatan produktiviti dan menerapkan minda produktif dalam kalangan pekerja mereka; dan 5) Berkongsi penemuan dengan pihak berkepentingan.
STAKEHOLDERS/ PIHAK BERKEPENTINGAN Keterangan: Pihak atau kumpulan yang menerima kesan positif mahupun negatif daripada projek yang dijalankan	i. Pengurusan MPC ii. MITI iii. EPU

JANGKAAN HASIL/ OUTCOME Keterangan: Apa yang MPC perlu capai/ faedah-faedah jangka pendek dan jangka panjang hasil dari intervensi projek/ cadangan	1. Menerapkan minda produktif di peringkat enterpris; 2. Meningkatkan kecekapan operasi perniagaan enterpris tempatan; 3. Meningkatkan penjimatan kos operasi; 4. Meningkatkan hasil; dan 5. Melonjakkan produktiviti di peringkat enterpris
JANGKAAN OUTPUT Keterangan: Output ketara dan tidak ketara yang dihasilkan daripada aktiviti projek/ cadangan.	a) 59 enterpris tempatan b) 80 penghasilan PoC c) RM80 juta penciptaan nilai d) 9 sesi perkongsian penemuan e) Pengiktirafan 500 <i>Productivity Champion</i>
KUMPULAN SASAR Keterangan: Individu/ kumpulan yang menerima faedah daripada projek/ cadangan	a) Syarikat peneraju dan enterpris tempatan dari sub-sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. b) 15 hingga 20 pekerja untuk sebuah enterpris
SUMBER BAJET/ KOS Keterangan: Sumber bajet / jumlah kos yang terlibat.	Bajet Mengurus TKP OED = RM67,100 Rujuk Lampiran 3
HASIL (RM) - SEKIRANYA ADA Keterangan: Pendapatan yang diterima daripada projek	Tiada
SYOR Keterangan: Keputusan yang diperlukan daripada Lembaga Pengurusan MPC	Ahli Lembaga Pengurusan dipohon untuk mempertimbangkan cadangan bagi meluluskan peruntukan baki RM67,100 dari bajet Mengurus TKP OED bagi menjalankan Program Peningkatan Produktiviti Enterpris Tempatan melalui Syarikat Peneraju.
UNIT/ BAHAGIAN	PEOPLE PRODUCTIVITY (PP)

****Sila lampirkan maklumat-maklumat lain yang berkaitan sekiranya perlu.**

(Contoh: Agenda program, perincian kos, pelan risiko, gambar rajah, lakaran pelan, senarai nama, carta Gantt, dll.)

Hanya untuk permohonan yang menggunakan Bajet Pembangunan dari Unit/Bahagian lain.

Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan.

DISOKONG OLEH:

NAMA PEGAWAI PENJAGA BAJET PEMBANGUNAN

Jawatan:

Nama Bajet:

Tarikh:

**Wajib diisi	**Wajib diisi	Permohonan memadai disemak sehingga peringkat Penyelia. Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan
DISEDIAKAN OLEH :  ZUL EZWAN MUHAMAD Pengurus 6 Jun 2023	DISEMAK OLEH :  SALIZA SAARI Pengarah 6 Jun 2023	DISAHKAN OLEH :